

Bahagian A

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kain songket bunga tabur _____ dengan teliti untuk mengekalkan kualiti, kekemasan dan keindahan seni warisan.
- A dijahit C disulam
B dianyam D ditenun

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 2 Ayah membelikan ibu sutera batik
A B
dari Terengganu sebagai buah tangan.
C
Tiada kesalahan.
D

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Perasaan cinta akan kesenian tradisional Melayu dalam diri remaja semakin *luntur*.
- II Warna baju kesayangan ibu *luntur* kerana terkena agen peluntur.
- III Kegigihan Haidar untuk cemerlang dalam pelajaran tidak *luntur* walaupun dia terpaksa menghadapi pelbagai halangan dan dugaan.
- IV *Luntur* hati Puan Siti selepas mendapat berita sedih tentang keluarganya.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 4 Di hari raya ramai tetamu datang ke rumah kami.
- A Di hari raya ramai tamu
B Pada hari raya banyak tetamu
C Pada hari raya para tetamu ramai
D Di hari raya ramai tetamu

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 5 I Bertanyakan seorang wartawan, beliau tidak mahu membuat ulasan berkaitan dengan kes itu.
- II Jalan menghala ke Kelantan sesak akibat kemalangan.
- III Hanya murid yang sudah mendapat kebenaran ibu bapa akan menyertai lawatan ke Muzium Kesenian itu.
- IV Masih ada murid yang memandang enteng akan kepentingan menjaga alam.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 6

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

6

Encik Mustafa mengingatkan anaknya supaya tidak melupakan jasa Dato' Aidil yang banyak membantu mereka ketika mereka hidup susah.

Semua peribahasa berikut sesuai bagi menggambarkan situasi yang diberikan, kecuali

- A berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian
- B hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati
- C orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa
- D hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga

Bahagian B

1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Peserta kem motivasi sedang khusyuk mendengar penerangan yang diberikan oleh fasilitatur.

(b) Keadaan menjadi kecoh apabila ada seorang penonton diserang histiria.

(c) Peserta acara 100 meter memulakan larian sebaik-baik sahaja pengadil meniup wisil.

2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) "Semasa saya terlantar akibat demam panas selama seminggu, saya tidak terlarat untuk berbuat apa-apa," kata Hafiz.

(b) "Usahlah kita bimbang kerana makanan yang disediakan ini cukup untuk menjamu semua tetamu yang hadir," kata Mak Ngah Tipah kepada Afzan.

3 Berikan maksud peribahasa di bawah.

(a) Bagai membuang garam ke laut

(b) Air dicencang tak akan putus alirnya

(c) Bagai pinang dibelah dua
